

Publication: Berita Harian Online

Date: 17 November 2018

Headline: Arnoud De Meyer honoured for being the longest serving SMU president

Jasa Arnoud De Meyer, presiden SMU paling lama berkhidmat, diiktiraf



Profesor De Meyer (kanan) bergambar dengan penggantinya sebagai presiden di SMU, Profesor Lily Kong. ARIFFIN JAMAR

Universiti Pengurusan Singapura (SMU) telah mengiktiraf jasa Arnoud De Meyer, presiden keempat universiti itu dan yang paling lama berkhidmat, dalam memperluas 'produk' yang dihasilkannya.

Bercakap di majlis khas pada Jumaat (16 November), pengerusi SMU Ho Kwon Ping berkata Profesor De Meyer All telah mengubah SMU daripada universiti 'produk tunggal' kepada universiti 'berbilang produk'.

Profesor De Meyer dianugerahkan gelaran Profesor Universiti SMU di majlis khas itu.

Menurut SMU, gelaran itu adalah pelantikan tertinggi yang dianugerahkan kepada ahli fakulti terpilih untuk mengiktiraf pencapaian penting dalam kajian, dan sumbangan cemerlang kepada universiti, jawatan dan masyarakat.

Profesor De Meyer akan melepaskan jawatan presiden pada Januari ini. Tempatnya akan digantikan oleh provost SMU Profesor Lily Kong, 53 tahun.

Namun, Profesor De Meyer akan kekal berkhidmat di SMU secara sambilan.